

TEKNIK MENULIS HURUF DENGAN BETUL MENINGKATKAN KEKEMASAN TULISAN MURID PEMULIHAN

**Mohammad Faizal Bin Latip
PISMP Pemulihan Jan 09
IPG Kampus Batu Lintang**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilakukan bagi melihat kesan penggunaan cara yang betul dalam menulis huruf dalam garisan garis tiga membantu Rojan seorang murid pemulihan dan menambah baik amalan pengajaran saya. Kaedah ini diperkenalkan supaya Rojan dapat mengetahui cara yang betul dalam menulis huruf. Dalam mengumpul data, saya telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Kemudian, saya menganalisis data dengan membuat analisis kandungan dan analisis pola. Selain itu, saya menyemak data dengan menggunakan triangulasi penyelidik dan triangulasi masa. Dapatkan kajian menunjukkan teknik menulis huruf dengan betul meningkatkan kekemasan tulisan Rojan. Saya juga berjaya menambah baik amalan pengajaran saya dan meningkatkan amalan profesi keguruan. Pada masa hadapan, saya akan menggunakan teknik menulis huruf ini sekiranya saya menghadapi murid-murid yang mempunyai masalah yang sama di sekolah lain serta mengkaji teknik lain yang boleh membantu saya mengatasi masalah menulis dalam kalangan murid pemulihan.

Kata kunci: murid pemulihan, cara menulis huruf, garisan garis tiga, amalan pengajaran, masalah menulis

This action research is done to see the effect of using a correct way to write letters in lines of three lines to help Rojan a remedial student and improve my teaching practice. This method is introduced so that Rojan can understand the right way to write letters. In collecting the data, I have used observations and interviews. Then, I analyze the data with content analysis and pattern analysis. Also, I check the data using resource triangulation and time triangulation. The results showed the technique of writing letters correctly improve Rojan's handwriting neatness. I also managed to improve my teaching practice and enhance the teaching profession. In future, I will use this technique of writing the letter if I face the students who had the same problem in other schools, and study the other techniques that can help me solve the problem of writing among students.

Key words: remedial student, correct way to write letters, lines of three lines, teaching practice, problem of writing

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya ialah seorang guru pelatih bagi opsyen Pemulihan di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Saya telah menjalani praktikum sebanyak tiga fasa sepanjang menjalani latihan perguruan ini. Saya telah mengikuti tiga kali praktikum di tiga buah sekolah yang berlainan. Setiap sekolah tempat saya berpraktikum masing-masing mempunyai persekitaran dan budaya yang berbeza sekali. Pada praktikum Fasa I saya telah menjalani latihan praktikum di SK Makmur Jaya (bukan nama sebenar) yang terletak kira-kira 50 KM dari bandar Kuching. Secara keseluruhannya masyarakat di sini terdiri daripada masyarakat kampung yang bekerja sebagai petani dan berkerja sendiri. Di dalam kelas pemulihan, saya mempunyai lima orang murid pemulihan. Dari segi latar belakang keluarga, mereka terdiri daripada keluarga yang mempunyai sosio ekonomi yang kurang berada. Semasa praktikum Fasa 1 ini murid saya mempunyai tulisan yang kurang memuaskan. Namun pada ketika itu saya kurang menekankan aspek menulis dengan kemas dan betul kerana saya lebih menumpukan terhadap aspek bacaan kerana mereka dapat menulis perkataan yang diberikan tetapi tidak dapat menyebut dan membaca perkataan yang diberikan.

Pada praktikum Fasa II pula saya telah menjalani latihan mengajar di SK Aman Jaya (bukan nama sebenar). Kali ini saya mengajar di kawasan bandar yang terletak di bandar Kuching yang hampir keseluruhannya pelajar adalah berbangsa Melayu. Pelajar di sekolah ini terdiri daripada pelbagai golongan keluarga. Ada yang datang dari keluarga yang berada, sederhana dan kurang berada. Pelajar yang dari keluarga berada ini terdiri daripada keluarga yang mana ibu bapanya yang mempunyai kerjaya yang baik seperti pegawai kerajaan, ahli perniagaan dan sebagainya. Namun bagi mereka yang datang dari keluarga kurang berada mereka terdiri daripada kalangan keluarga yang bermasalah terutamanya yang datang dari penempatan kampung yang berdekatan. Semasa mengajar di kelas pemulihan, murid saya memang menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran 3M. Semasa menjalani praktikum pada kali ini murid pemulihan memang menghadapi masalah tulisan yang sukar di baca baik dari segi huruf maupun nombor.

Pada praktikum Fasa III saya juga telah menjalani latihan mengajar di SK Pelita Jaya (bukan nama sebenar) yang terletak di bandar Kuching. Setelah tiga minggu menjalani praktikum di sekolah ini saya mendapat bahawa tulisan murid pemulihan di sekolah ini kurang memuaskan. Keadaan ini memang berlaku semasa saya menjalani dua praktikum yang lepas. Sememangnya murid pemulihan mempunyai kekemasan tulisan yang kurang memuaskan. Mereka menghadapi masalah dari segi penulisan abjad dengan betul, saiz abjad yang berbeza, masalah huruf besar dan huruf kecil, kecondongan tulisan dan jarak antara perkataan dengan perkataan yang lain. Tugas untuk membuat penyelidikan tindakan diberikan untuk praktikum fasa ketiga ini. Saya telah menggunakan tempoh masa yang diberikan iaitu tiga bulan untuk saya menggunakan kaedah dan pendekatan bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran saya bagi membantu murid pemulihan menguasai kemahiran 3M. Saya memilih untuk kemahiran menulis abjad dengan betul supaya

apabila murid pemulihan telah dapat menguasai cara dan teknik dan menulis abjad dengan betul maka secara tidak langsung mereka dapat memperbaiki kekemasan tulisan mereka terutamanya dari segi aspek huruf besar dan huruf kecil dan juga jarak huruf antara perkataan.

Isu Keprihatinan

Sebelum memulakan penyelidikan, saya telah menyediakan beberapa instrumen sebagai pengesanan awal untuk kemahiran menulis bagi murid-murid pemulihan. Saya telah menyediakan petikan bacaan bergred yang mudah dan meminta murid menyalin petikan tersebut. Saya telah menyenarai pendek beberapa hasil kerja tulisan hasil daripada tulisan mereka berdasarkan petikan tersebut. Kemudian saya merujuk pula kepada lembaran kerja yang lepas dan membandingkan penulisan mereka. Ternyata tulisan mereka ini tidak banyak bezanya dengan lembaran-lembaran kerja mereka yang lepas. Mereka dapat menulis tetapi dari segi kekemasan amat kurang memuaskan. Saiz tulisan yang tidak sekata, jarak di antara perkataan, pencampuran huruf besar dan huruf kecil dalam hasil tulisan mereka. Namun, salah seorang murid saya yang saya namakan Rojan (bukan nama sebenar) agak kritikal masalahnya berbanding murid pemulihan yang lain. Hasil tulisannya sangat kurang memuaskan dan sukar untuk dibaca. Oleh itu, saya telah mengambil keputusan untuk melibatkan Rojan sebagai peserta kajian saya.

Oleh itu, dalam usaha untuk menambahbaik pengajaran saya dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis murid, saya akan cuba sedaya upaya menggunakan kaedah atau pendekatan yang sesuai dan tepat dalam menyelesaikan permasalahan murid pemulihan secara amnya dan kepada Rojan secara khususnya. Sebelum ini saya telah mengabaikan aspek kekemasan tulisan sepanjang dua kali praktikum dan pada praktikum kali ini saya berharap dapat meningkatkan aspek dalam kekemasan tulisan dengan memberi ruang kepada murid-murid pemulihan masa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk memperkemaskan tulisan mereka. Rajah 1 menunjukkan bagaimana tahap tulisan Rojan pada pengesanan data awal.

<p>kanal adas orang abang-</p> <p>Abang Kamal bernama Husin</p> <p>umur Husin 14 tahun</p> <p>Husin seorang bual yang baik dan rajin</p> <p>Kamal sangat sayang pada abangnya</p> <p>Tiap-tiap petang Kamal dan Husin bermain bola di padang sekolah</p>	<p>Kamal ada seorang abang. Abang Kamal bernama Husin. Umur Husin 14 tahun. Husin seorang bual yang baik dan rajin. Kamal sangat sayang pada abangnya. Tiap-tiap petang Kamal dan Husin bermain bola di padang sekolah.</p> <p><i>(Handwritten notes by teacher)</i></p> <p>Kamal adas orang abang. Abang Kamal bernama Husin. Umur Husin 14 tahun. Husin seorang bual yang baik dan rajin. Kamal sangat sayang pada abangnya. Tiap-tiap petang Kamal dan Husin bermain bola di padang sekolah.</p> <p><i>(Red handwritten annotations by teacher)</i></p> <p>Kamal adas orang abang. Abang Kamal bernama Husin. Umur Husin 14 tahun. Husin seorang bual yang baik dan rajin. Kamal sangat sayang pada abangnya. Tiap-tiap petang Kamal dan Husin bermain bola di padang sekolah.</p> <p><i>(Final red handwritten annotations by teacher)</i></p>
--	--

Jadual 1 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh Rojan dalam pengesanan data awal dalam tulisannya.

Kesalahan	Kekerapan
Saiz huruf/ Lengkuk	7
Huruf besar dan kecil	15
Jarak antara perkataan / huruf	10
Pengguguran huruf	4

Didapati Rojan melakukan tujuh kesalahan bagi aspek saiz dan lengkuk huruf. Bagi penggunaan huruf besar dan huruf kecil Rojan melakukan 15 kesalahan, sepuluh kesalahan bagi aspek jarak antara perkataan dan huruf dan empat kesalahan bagi aspek pengguguran huruf.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan cara menulis abjad dengan betul pada murid pemulihan supaya mereka dapat menulis dengan betul dan kemas serta menggunakan latihan menulis huruf besar dan huruf kecil secara berperingkat sebelum menulis perkataan dan ayat termasuklah dari segi aspek jarak antara perkataan dengan perkataan dan seterusnya jarak antara ayat dengan ayat.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimana penggunaan teknik menulis huruf dengan betul dapat membantu murid pemulihan meningkatkan hasil tulisan yang kemas?
- Bagaimana saya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya dengan menerapkan teknik menulis abjad dengan betul supaya murid pemulihan dapat menjadikan tulisan yang kemas sebagai amalan mereka dalam pelajaran?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Menurut Jamilah (1999), program pemulihan dijalankan adalah untuk menampung keperluan murid-murid di dalam kelas biasa yang menghadapi masalah-masalah seperti masalah pembelajaran dan juga masalah-masalah yang menghalang pembelajaran seperti masalah peribadi, masalah psikologi dan kurang kecerdasan. Selain itu murid pemulihan mempunyai ciri-ciri seperti lambat menguasai sesuatu kemahiran yang diajar sama ada kemahiran lisan, bacaan mahupun penulisan, kerap kali lupa akan perkara-perkara yang telah diajar, tidak menunjukkan minat kepada aktiviti-aktiviti pembelajaran serta lemah pengamatan, penglihatan dan

pendengaran. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya Tulisan Rojan menjadi terlalu halus dan sukar untuk dibaca kerana kesilapannya dalam teknik memegang alat tulis dan juga postur badan yang kurang betul.

Menerusi pembacaan saya terhadap artikel yang ditulis oleh Ahmad Durani Bin Suip (2010) dalam artikel yang bertajuk Memperbaiki Kekemasan Tulisan Murid Tahun 3 Melalui Kaedah Penulisan Berperingkat. Menurut penyelidik subjek kajian beliau iaitu Zul dan Win mempunyai tulisan yang kurang kemas dan kedudukan postur yang salah semasa menulis. Hasil daripada tindakan yang dilakukan kedua-dua subjek kajian berjaya menghasilkan tulisan yang cantik selepas pelaksanaan kaedah penulisan berperingkat. Mereka juga menunjukkan peningkatan yang baik dari segi kekemasan tulisan. Bagi Anisah Binti Anuar @ Yong Hui Ming (2010) dalam artikel beliau yang bertajuk Membetulkan Tulisan Huruf ‘k’ dan ‘s’ Kecil Murid Tahun Tiga Menggunakan Lembaran Kerja Garisan Berkembar Tiga Dibantu Oleh Carta Huruf dan Kaedah Ansur Maju menyatakan bahawa kesemua empat orang peserta kajian beliau menunjukkan prestasi yang positif dalam kesemua sembilan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju membantu membetulkan tulisan huruf ‘k’ dan ‘s’ semasa menulis ayat dan perkataan Bahasa Melayu.

Selain itu, Yusop Bin Malie dan Walter Alvin Jiniti (2010) dalam hasil dapatan kajian mereka menyatakan bahawa gabungan pegangan pensel dan tatacara yang betul menulis huruf banyak membantu peserta kajian mereka iaitu Kamal daripada membuat kesalahan dari segi abjad dan juga keseragaman dari segi saiz huruf yang ditulis. Menurut mereka lagi, pensel mesti dipegang secara menegak oleh hujung ibu jari dengan kuku hampir menyentuh pensel dengan sebolehbolehnya ibu jari diletakkan bawah pensel. Dalam kajian yang sama juga menyatakan, penggunaan garisan merupakan satu daripada teknik yang dicadangkan sebagai latihan berterusan kepada murid agar koordinasi tangan dapat dilakukan iaitu dari segi keseimbangan serta keseragaman penulisan tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa mekanisma tindakan bagi memperbaiki tulisan tangan iaitu secara fizikal, latih tubi menulis dan membina keseragaman tulisan tangan. Di samping itu, teknik dalam perubahan tingkah laku dari segi ganjaran dan motivasi serta latihan menyebut dan menulis memberi kesan yang baik kepada Kamal dalam menyalin dan membina ayat yang lengkap dan sempurna.

Oleh itu, saya telah merancang beberapa tindakan untuk dijalankan berdasarkan data awal yang saya perolehi. Untuk kajian saya, saya turut menunjukkan cara memegang pensel yang betul ketika menulis kepada Rojan agar dia lebih faham dan senang untuk meniru cara saya memegang pensel dengan betul.


Pelaksanaan Tindakan

Pada 12 Mac 2012 yang mana saya telah menyuruh Rojan menyambungkan abjad garisan putus-putus sebelum membimbing Rojan menulis menggunakan buku lembaran kerja menulis bentuk abjad mengikut garisan putus-putus. Saya memberikan bimbingan kepada Rojan supaya mengingat kembali bagaimana cara menulis abjad dengan betul berdasarkan latihan-latihan lepas yang telah saya berikan. Kemudian saya memberikan pula lembaran kerja menulis abjad di atas garisan garis tiga. Rojan dikehendaki menyalin abjad yang diberikan berdasarkan ruang yang diberikan. Kemudian, kajian ini saya teruskan dengan memberikan lembaran kerja dengan menyalin suku kata di atas garisan garis tiga. Akhir sekali saya memberikan Rojan latihan menulis ayat di atas garisan garis tiga. Jadual 2 menunjukkan perlaksanaan tindakan yang saya lakukan terhadap Rojan.

Tarikh	Perlaksanaan Tindakan
12 Mac	Latihan menyambung huruf garisan putus-putus
26 Mac	Latihan menulis huruf dengan betul mengikut nombor
4 April	Latihan menulis huruf di atas garisan garis tiga
12 April	Latihan menulis suku kata di atas garisan garis tiga
18 April	Latihan menulis perkataan di atas garisan garis tiga
20 April	Latihan menulis ayat di atas garisan garis tiga


Dalam langkah yang pertama, saya telah menyuruh Rojan menyambung abjad garisan putus-putus untuk huruf besar dan huruf kecil. Latihan ini dilakukan untuk melihat cara Rojan menulis huruf dengan bantuan titik tersebut. Berdasarkan latihan ini, Rojan boleh menulis dengan sangat baik mengikut garisan putus-putus berkenaan. Untuk latihan ini saya hanya melaksanakan sekali sahaja.

Seterusnya, saya memberi latihan dua iaitu menulis abjad dengan betul mengikut turutan nombor yang diberikan. Sebelum memberikan latihan tersebut, saya menunjukkan carta huruf kepada Rojan dan menerangkan sesuatu huruf itu ditulis mengikut turutan yang betul. Saya menekankan perkara ini sebelum membuat latihan agar Rojan mengingati bagaimana cara huruf itu ditulis dengan cara yang sepatutnya. Rajah 2 menunjukkan carta huruf tentang cara menulis huruf dengan betul.




Melalui tembual dengan Rojan, dia menyatakan bahawa dia hanya mengetahui tentang cara menulis huruf yang sepatutnya selepas saya memperkenalkan kaedah ini. Dia gembira melihat hasil tulisannya yang semakin kemas dan teratur. Malahan dia semakin bersemangat untuk membuat latihan yang seterusnya.

Selepas itu saya memberikan latihan menulis huruf mengikut nombor kepada Rojan. Saya memilih beberapa huruf secara rawak seperti 'A', 'B' dan 'C' untuk huruf besar dan kecil.. Latihan ini berjaya disiapkan oleh Rojan dengan baik tetapi terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenal pasti iaitu huruf yang ditulis melebihi ruang yang ada dan saya menyuruh Rojan membuat pembetulan pada huruf yang melebihi ruang yang ditetapkan. Saya bersikap tegas terhadap Rojan supaya saya dapat menjadikan amalan menulis dengan kemas dan jelas menjadi amalan Rojan dalam menulis dan Rojan menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap tindakan saya. Rajah 3 menunjukkan latihan menulis huruf yang saya berikan kepada Rojan.



Setelah memberikan latihan menulis huruf, saya memberikan Rojan latihan menulis suku kata, perkataan dan ayat. Rajah 4 menunjukkan latihan-latihan yang telah diberikan kepada Rojan.



Kaedah ini menunjukkan bahawa kajian saya ini sedikit sebanyak mendatangkan manfaat kepada Rojan secara khususnya dan kepada murid pemulihan secara amnya sebagai satu cara dan teknik dalam membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis. Kaedah ini boleh dikembangkan lagi dengan penggunaan garisan garis dua untuk cadangan kitaran seterusnya. Namun, secara kesimpulannya, teknik ini berjaya membantu Rojan seorang murid pemulihan membantu meningkatkan tahap kekemasan tulisanya.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Rojan, peserta kajian ini adalah seorang murid lelaki Tahun 2 dari SK Pelita Jaya. Di samping itu, saya sendiri adalah peserta kajian yang ingin menambah baik amalan kendiri saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pemulihan Bahasa Melayu Tahun Dua.

Etika Penyelidikan

Etika PT ini merujuk kepada kesesuaian tindakan saya selaku penyelidik terhadap peserta kajian yang menerima kesan PT ini. Saya telah menyediakan borang akuan peserta untuk diisi oleh Rojan sebagai persetujuan menyertai kajian ini. Penerangan berkaitan dengan kajian diberikan agar Rojan memahami haknya sebagai peserta kajian sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

Teknik Mengumpul Data

Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sepanjang penyelidikan tindakan. Semasa membuat pemerhatian, saya menghasilkan catatan nota lapangan. Kandungan nota lapangan merangkumi huraian latar, tindakan yang dilaksanakan, tingkah laku peserta, refleksi kendiri dan perkara yang berlaku di luar jangkaan sekiranya ada. Nota Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL

lapangan menunjukkan rekod maklumat perkembangan peserta dari permulaan hingga ke akhir pelaksanaan penyelidikan tindakan. Selain itu, saya turut mengambil gambar-gambar proses pelaksanaan penyelidikan tindakan. Gambar ini dapat dijadikan bahan sokongan yang kukuh untuk menunjukkan data. Rajah 5 menunjukkan catatan nota lapangan yang telah saya catatkan.

Catatan Nota Lapangan

Tarikh:15 Mac 2010

Hari: Khamis

Masa:8.20 pagi-9.50 pagi

Tempat: Kelas Maju 2 Arif

Catatan: Pada hari ini, saya memberikan latihan menulis mengikut kemahiran yang dikuasai oleh murid-murid pemulihan Tahun 2. Latihan tersebut hendaklah disiapkan sehingga habis waktu iaitu sebelum waktu rehat. Saya telah menyatakan bahawa sesiapa yang tidak dapat menyiapkan latihan yang saya berikan tidak boleh keluar rehat. Jadi ,murid-murid pemulihan berusaha menyiapkan latihan

Temubual

Selain itu, saya turut menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul data bagi penyelidikan tindakan saya. Soalan-soalan yang akan saya kemukakan lebih kepada masalah kemahiran menulis Rojan. Pijak yang ditemu bual ialah peserta kajian iaitu Rojan, guru pembimbing dan guru kelas Rojan. Jadual di bawah menunjukkan soalan-soalan yang saya gunakan dalam mengumpul data kajian saya. Menurut Mohd Majid Bin Samad (2000) (seperti dinyatakan dalam Roselan Bin Bakri, 2003), kaedah temu bual boleh digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak mengikut keperluan persoalan kajian. Jadual 3 merupakan contoh soalan temubual yang digunakan dalam kajian ini

-
- Bagaimana teknik menulis huruf dengan betul membantu Rojan meningkatkan tahap kekemasan tulisannya?
 - Bagaimana perkembangan tulisan Rojan setelah dia didedahkan dengan teknik menulis huruf dengan betul?
 - Adakah Rojan mempraktikkan teknik yang digunakan sewaktu di dalam kelas biasa?
-

Teknik Menganalisis Data

Analisis Kandungan

Dalam menganalisis kandungan data yang dikumpul, saya meneliti data yang diperoleh dengan membuat tanda seperti bulatan tentang perkara yang penting yang berkaitan dengan fokus kajian saya iaitu menambah baik amalan saya dalam p&p dalam membantu meningkatkan kekemasan tulisan murid pemulihan. Selepas tanda dibuat pada kesalahan tulisan yang dilakukan saya akan merujuk kriteria bagaimana saya menyemak hasil latihan Rojan. Aspek yang dinilai dalam kekemasan tulisan ialah saiz dan lengkuk huruf, penggunaan huruf besar dan huruf kecil, jarak antara huruf dan perkataan serta pengguguran dan penambahan huruf dalam perkataan.

Analisis Pola

Analisis pola pula membantu saya menganalisis jenis kesalahan dan jumlah kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh Rojan. Untuk setiap kekerapan kesalahan yang dilakukan bagi huruf tertentu, saya pindahkan maklumat tersebut dalam bentuk jadual. Jadual 2 menunjukkan jenis dan kekerapan kesalahan penulisan yang dilakukan oleh Rojan pada latihan yang diberikan.

Teknik Menyemak Data

Triangulasi Masa

Tempoh pelaksanaan kajian saya adalah selama masa tiga bulan semasa praktikum dan satu bulan sepanjang tempoh *internship*. Jadi saya dapat memberikan latihan yang sama pada masa yang berlainan.

Triangulasi Sumber

Saya juga meminta rakan sepraktikum dan guru pembimbing untuk menyemak hasil kerja murid-murid dan membandingkan penyemakan mereka dengan penyemakan saya.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Bagaimana penggunaan teknik menulis huruf dengan betul dapat membantu murid pemulihan meningkatkan hasil tulisan yang kemas?

Selepas melaksanakan tindakan sebanyak empat kali semasa P&P, hasil penulisan peserta kajian dalam lembaran kerja garisan berkembar tiga menampakkan kesan yang amat positif pada tulisan Rojan. Dia berupaya menulis huruf dengan betul dan kemas semenjak pelaksanaan tindakan yang pertama lagi dan prestasi sehingga ke pelaksanaan tindakan yang keempat. Jadual 4 menunjukkan kesalahan Rojan pada pengesanan data awal.

Jenis Kesalahan

Bil	Aktiviti	Saiz/	Jarak	Huruf Besar/Kecil	Pengguguran/ Penambahan	Catatan
		Lengkuk				
1	Menyalin ayat mudah	7	10	15	4	Data Awal

Pada data awal ini, didapati semasa latihan menyalin ayat mudah Roja melakukan tujuh kesalahan dalam aspek saiz dan lengkuk, sepuluh kesalahan untuk jarak huruf dan perkataan, 15 kesalahan untuk penggunaan huruf besar dan kecil serta empat kesalah dalam pengguguran huruf dalam perkataan. Jadual 5 pula menunjukkan bagaimana tahap perkembangan Rojan sepanjang kajian ini dilakukan.

Jenis Kesalahan

Bil	Aktiviti	Saiz/	Jarak	Huruf Besar/Kecil	Pengguguran/ Penambahan	Catatan
		Lengkuk				
1	Menyalin suku kata	7	2	0	0	Kesalahan Berkurangan
2	Menyalin perkataan	7	0	0	1	Kesalahan Berkurangan
3	Menyalin ayat mudah	2	0	0	2	Kesalahan Berkurangan

Berdasarkan Jadual 5 didapati untuk latihan menyalin suku kata, Rojan melakukan tujuh kesalahan untuk saiz dan lengkuk dan melakukan dua kesalahan dalam latihan jarak huruf serta tiada kesalahan dalam aspek penggunaan huruf besar dan kecil serta pengguguran dan penambahan huruf. Bagi latihan menyalin perkataan pula Rojan masih melakukan tujuh kesalahan dalam aspek saiz dan lengkuk huruf serta satu kesalahan dalam pengguguran dan penambahan huruf. Bagi aspek jarak dan penggunaan huruf besar dan kecil tiada kesalahan dilakukan. Akhir sekali pada latihan menyalin ayat mudah Rojan melakukan dua kesalahan untuk aspek saiz dan lengkuk huruf serta pengguguran dan penambahan huruf manakala tiada kesalahan untuk aspek jarak dan penggunaan huruf besar dan kecil.

Berdasarkan hasil dapatan, hanya saiz dan lengkuk huruf yang masih menjadi masalah buat Rojan. Hal ini disebabkan saya banyak memberi Rojan latihan yang mengandungi huruf-huruf yang mempunyai lengkuk seperti huruf 'j' dan 'g'.

Manakala daripada aspek kekemasan tulisan yang lain menunjukkan perubahan yang positif pada tulisan Rojan.

Hasil dapatkan menunjukkan pengurangan kesalahan dalam tulisan Rojan yang seterusnya dapat meningkatkan kekemasan tulisan Rojan. Berdasarkan temu bual, Rojan merasa lebih yakin menulis apabila mengetahui teknik menulis huruf yang sepatutnya. Rojan juga berasa seronok membuat latihan menggunakan kaedah ini dan lebih bersemangat menyiapkan latihan menulis yang diberi. Tranksrip temu bual adalah seperti berikut.

Tarikh: 24 April 2012 (Selasa)

Guru : Adakah sekarang kamu lebih seronok menulis?

Rojan : Ya cikgu, **saya lebih seronok**.

Guru : Baguslah kalau begitu. Rojan, kamu suka tak tengok tulisan kamu cantik?

Rojan : Seronok cikgu. (tersenyum).

Guru : Kamu nak buat latihan menulis yang lain ke?

Rojan : **Nak cikgu.** (penuh semangat) Bila kita buat latihan menulis lagi cikgu?

Guru : Nanti kita buat latihan menulis lagi ya.

- Bagaimana saya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya dengan menerapkan teknik menulis abjad dengan betul supaya murid pemulihan dapat menjadikan tulisan yang kemas sebagai amalan mereka dalam pelajaran?

Saya telah mengaplikasikan Model Arahan Terus dalam Pendekatan, Strategi, Keadaan dan Teknik (2010) yang merupakan satu model pengajaran yang bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari ilmu pengetahuan tau kemahiran asas yang boleh diajar dengan cara langkah demi langkah. Saya telah menggunakan model ini dengan memberikan latihan yang kerap, langkah demi langkah dari penulisan huruf sehingga kepada penulisan ayat iaitu daripada latihan yang mudah kepada latihan yang sukar. Ternyata kaedah ini memberi kesan yang positif terhadap Rojan.

Menulis huruf dengan teknik yang betul dalam lembaran kerja bergaris tiga telah memperbaiki amalan kendiri saya sebagai seorang guru. Saya menjadi lebih peka dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh murid pemulihan ketika mengajar. Selain itu juga, saya menjadi guru yang lebih teliti dalam merancang teknik dan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula ini merupakan kali pertama saya mengajar murid pemulihan menulis menggunakan lembaran atau buku latihan garis tiga. Daripa respon peserta kajian dia amat seronok dan tertarik dengan kaedah yang saya gunakan bagi meningkatkan

kekemasan tulisanya. Hasilnya kekemasan murid pemulihan dapat ditingkatkan dan seterusnya memperbaiki mutu amalan pengajaran saya.

Selain itu, saya dapat mewujudkan hubungan yang erat antara saya dan Rojan. Tidak seperti pada mulanya, Rojan jarang bercerita kepada saya tentang dirinya dan tidak mahu dan malu untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan terhadapnya. Namun sejak saya menjalankan kajian terhadapnya, Rojan kerap bertanya kepada saya tentang penulisannya apabila selesai menyiapkan latihan yang diberikan. Jika sebelum ini Rojan bergegas untuk menyiapkan latihannya, namun menerusi perhatian dan bimbingan yang berterusan Rojan dapat menyiapkan kerjanya dengan tertib dan kemas. Saya menyedari bahawa melalui kajian tindakan ini secara tidak langsung telah merapatkan hubungan saya dengan Rojan kerana saya sering berinteraksi dengannya dalam membuat latihan yang diberikan

Refleksi Penilaian tindakan

Penyelidikan Tindakan merupakan satu kemahiran baru yang saya pelajari dan mengaplikasikan kemahiran ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran saya. Penyelidikan Tindakan yang saya laksanakan ini merupakan salah satu usaha untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran terutamanya murid pemulihan yang menghadapi masalah tulisan yang kritikal berdasarkan hasil pengalaman praktikum. Dalam kajian yang saya lakukan mendapat terdapat kekuatan dan kelemahan teknik yang saya gunakan dalam membantu murid pemulihan meningkatkan kekemasan tulisan mereka. Dari segi kekuatan, teknik yang digunakan menjadikan murid pemulihan lebih teliti dan peka terhadap kekemasan tulisan mereka. Hasil temu bual serta maklum daripada peserta kajian berasa seronok kerana dapat melihat tulisannya yang kemas hasil daripada hasil lembaran kerja yang diberikan. Peserta Kajian juga telah mula menunjukkan sikap yang positif dengan mula membuat latihan yang diberikan dengan penuh minat dan tidak menunjukkan sikap sambil lewa. Proses pembelajaran menjadi lebih seronok dan bermakna kepada murid pemulihan.

Sepanjang menjalankan kajian ini, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti. Antaranya ialah kekangan masa bagi melaksanakan tindakan ini. Faktor kekangan masa merupakan cabaran utama yang perlu ditempuhi kerana banyak lagi urusan lain seperti tugas praktikum dan intership, aktiviti-aktiviti sekolah dan kerja kursus pendek bagi mata pelajaran yang lain. Saya terpaksa memanggil Rojan pada waktu *sit-in* akibat kekangan masa. Tambahan pula saya tidak mempunyai pengalaman langsung dalam bidang penyelidikan yang menyebabkan saya agak lewat memulakan kajian ini.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Selaku seorang guru dalam era baru ini, saya perlu bersiap sedia menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan perkembangan dalam dunia pendidikan pada masa kini. Saya sedar jika murid-murid tidak menguasai isi pelajaran yang disampaikan, maka guru adalah pihak yang pertama bertanggungjawab terhadap situasi tersebut terutamanya guru pemulihan. Oleh sebab itu guru perlu menggunakan kaedah lain yang sesuai dengan keperluan murid yang lemah dan

bukanya bertindak mengabaikan mereka. Setiap individu adalah berhak untuk mendapat peluang pendidikan walaupun murid pemulihan merupakan golongan minoriti yang lemah dalam pelajaran. Dalam kajian saya, selain daripada menambah baik amalan pengajaran, saya membantu Rojan meningkatkan kekemasan tulisannya di samping memberikan motivasi Rojan untuk berjaya dalam pelajaran.

Rojan merupakan salah seorang murid pemulihan yang menghadapi masalah tulisan yang kurang memuaskan berbanding dengan murid lain. Tindakan awal untuk membantu Rojan dalam peningkatan kekemasan tulisannya mampu mengelakkan tulisan Rojan menjadi lebih kritikal dan sukar diubah pada masa akan datang. Oleh itu tindakan saya membantu Rojan membaiki tulisannya agar lebih jelas dan mudah untuk dibaca memberikan impak kepada saya dari segi keprihatinan saya terhadap masalah yang dihadapi oleh anak didik saya. PT ini telah meningkatkan lagi amalan profesional saya sebagai guru pemulihan yang perlu sentiasa meneroka pengaplikasian kaedah dan teknik pengajaran baru untuk murid-murid pemulihan.

Proses menyiapkan PT ini begitu mencabar kerana ini merupakan kali pertama saya melibatkan diri dalam dunia penyelidikan. Namun, saya berasa gembira kerana memperolehi pengalaman dan pengetahuan yang sangat bermakna melalui pelaksanaan PT ini. PT merupakan langkah pertama saya menambah baik amalan profesionalisme keguruan kendiri. Melalui PT, ianya merupakan salah satu usaha untuk membantu murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran khususnya murid pemulihan terutamanya dalam kemahiran menulis.

PT yang dilaksanakan bukan sekadar membantu meningkatkan kemahiran saya sebagai seorang guru pemulihan malah meningkatkan kemahiran saya dalam mengakses sumber, mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul serta kemahiran menulis laporan dan artikel dalam bentuk ilmiah dan profesional. Kemahiran ini membolehkan saya meningkatkan amalan profesional selaku guru dan penyelidik pada masa akan datang.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Hasil daripada kajian ini, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini ke peringkat yang seterusnya jika saya menghadapi masalah yang sama. Saya ingin melanjutkan kajian ini dengan menulis huruf dengan teknik yang betul di atas garisan garis dua. Hal ini kerana saya hanya menyuruh Rojan menulis di atas garisan garis tiga bagi memperkenalkannya kepada teknik dan cara menulis huruf dengan betul. Selain itu saya juga akan memberikan satu petikan pendek dalam satu perenggan yang ditulis dalam garisan garis tiga untuk cadangan kitaran yang seterusnya.

RUJUKAN

Ahmad Durani Bin Suip (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun Tiga melalui kaedah penulisan berperingkat*, ms 27-36.

Anisah Binti Anuar @ Yong Hui Ming (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *membetulkan tulisan huruf 'k' dan 's' kecil murid Tahun Tiga menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga dibantu oleh carta huruf dan kaedah unsur maju*, ms 37-54.

Cindy Lairie Anak Sojep (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *mengurangkan masalah mencampurasukkan huruf besar dan kecil murid Tahun Tiga melalui kaedah cekap menulis*, ms 96-109

Dayang Nurmalisa Binti Abang Mohd Selanie (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan pendekatan bimbingan secara individu dalam membantu murid tahun tiga membaiki tulisan bahasa melayu*, ms 126-139.

Dyg Norliza Binti Awg Yem (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan kaedah ansur maju dalam mengurangkan kekerapan kesalahan menulis huruf kecil 'k'dan 'p' murid Tahun Lima*, ms 110-125.

Jamilah Binti Ahmad. (1999). *Panduan pengajaran pemulihan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti

Lina Ping Madang (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *penggunaan kertas kotak bergaris dalam membantu murid Tagun Dua menulis huruf 'J' besar dan kecil dengan betul semasa menjawab soalan kefahaman bahasa melayu* ms 157-171

.Micheal Anak Saten (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan bimbingan secara individu terhadap masalah penggunaan huruf besar dan kecil dalam bahasa melayu murid Tahun Empat* ms 199-210.

Meimon Binti Sanai.(2009). Celik Huruf: Lancar baca. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, hlm 102-112.

Muhammad Azizi Rahim (2010) Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), *kesan bimbingan individu terhadap kesilapan menulis huruf besar di tengah-tengah perkataan dan di tempat yang tidak sepatutnya untuk murid Tahun Lima* ms 224-237

Noraini Binti Ombi. (2009). Kajian kes ke atas kekemasan tulisan murid Tahun 2 dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 215-227.

Tiong Houng Ching. (2005). Kajian ke atas membaiki tulisan pelajar Tingkatan
Peralihan dengan Kaedah Ansur Maju. *Prosiding Seminar Penyelidikan
Tindakan Tahun 2005*, 84- 96.

Yusof Bin Hj. Malie & Walter Alvin (2010) Jiniti/ *Disgrafia dan cara membantu:
Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas* Jurnal
Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010, Jilid 4 ms 1-22.

Zailan Bin Jeman. (2005). Besar dan kecil. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan
2005 MP Batu Lintang, Kuching dan Pejabat Pelajaran Daerah Kecil
Serian, Sarawak*, 63-70.